

# Sikap membisu Pemuda Pas dikesali

UM 2 JUL 2001

KLUANG 1 Julai – Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kluang kesal dengan sikap Dewan Pemuda Pas yang membisu berhubung kebakaran yang memusnahkan hampir keseluruhan Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM) pagi kelmarin.

Ketuanya, Jais Sarday yang juga bekas pemimpin Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) pada tahun 1992 hingga 1993 itu berkata, Pemuda Pas seharusnya mengeluarkan satu kenyataan terbuka bagi mengulas kejadian tersebut.

Menurutnya, sikap membisu Pemuda Pas

itu amat menghairankan memandangkan pergerakan itu sering mengeluarkan pelbagai kenyataan mengenai apa sahaja isu semasa sebelum ini.

Menurut Jais, pihaknya juga kesal dengan perbuatan “sembunyi tangan” pihak-pihak tertentu yang menyebarkan pelbagai risalah kecil yang membenci kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Mungkin ada dalang yang merestui perbuatan tersebut dan perkara ini perlu disiasat,” katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.